



## P R E S S   R E L E A S E

### **SC Policy Framework on Stockbroking Industry Consolidation - FAQs, Guidelines and Task Force Details Released**

The Securities Commission (SC) today provided further clarification on its Policy Framework on Stockbroking Industry Consolidation, by issuing responses to a set of frequently-asked-questions (FAQs). At the same time, the Securities Commission released four guidelines and gave details on the task force that was formed to facilitate the broker consolidation process.

#### **FAQs**

This is the second set of responses to FAQs (Appendix 1) issued by the Securities Commission. The first was released on 15 May 2000. By responding to these FAQs, the Securities Commission hopes to provide greater clarity to the affected parties on various aspects of the policy framework.

The FAQs and responses are available on the Securities Commission website at [www.sc.com.my](http://www.sc.com.my).

#### **Guidelines**

In close consultation with the industry, the Securities Commission has formulated four sets of guidelines in relation to the consolidation of the stockbroking industry. The guidelines are:

1. Guidelines on Firewalls - Measures to Contain Risks and to Manage Issues of Conflicts of Interest between a Stockbroking Company and its Affected Related Companies;
2. Guidelines on the Involvement of Stockbroking Groups in the Property or Construction Business;
3. Guidelines for a Universal Broker; and
4. Guidelines on the Establishment and Location of a Branch Office by a Universal Broker and a Non-Universal Broker.

These guidelines and the Member Readiness Checklist for a Universal Broker are available on the Securities Commission website at [www.sc.com.my](http://www.sc.com.my)

#### **Task Force**

The Task Force on Stockbroking Industry Consolidation (Task Force) was formed shortly after the Securities Commission's announcement of 21 April 2000 where it was stated that a task force will be set up to review the status and extent of broker consolidation.

As approved by the Minister of Finance, the Task Force is chaired by Yang Berbahagia Dato' Dr. Samsudin Hitam, the Secretary General of the Ministry of Finance. The Securities Commission is the Secretariat to the Task Force.



## **P R E S S   R E L E A S E**

Other members of the Task Force comprise representatives from:

### **the Ministry of Finance**

- Yang Berbahagia Dato' Md. Nor Md. Yusof, Advisor;
- Cik Siti Hadzar Mohd Ismail, Deputy Secretary General (Policy); and
- Encik Ahmad bin Haji Hashim, Secretary (Finance).

### **the Securities Commission**

- Yang Berbahagia Dato' Ainum Mohd Saaid, Deputy Chief Executive;
- Mr. Siow Kim Lun, Director, Market Supervision Division; and
- Cik Hasnah Omar, Head/Senior Manager, Intermediary Supervision Department (as an alternate member).

### **the Kuala Lumpur Stock Exchange**

- Encik Md Nor Ahmad, Deputy President; and
- Mr. Devanesan Evanson, Senior Vice President, Compliance and Inspection Division, Market Supervision Group.

The terms of reference of the Task Force are to:

- Monitor and review the progress and extent of stockbroking industry consolidation;
- Assess the success and progress made by the stockbroking industry and to ensure that consolidation is effected in line with Government policies; and
- Facilitate the progress of stockbroking industry consolidation, including assessing present incentives to encourage consolidation, if necessary.

Since its establishment, the Task Force has held meetings to discuss outstanding issues relating to the policy framework on the consolidation of the stockbroking industry.

**SECURITIES COMMISSION**

**2 October 2000**

## P R E S S   R E L E A S E

### Appendix 1

#### FREQUENTLY-ASKED-QUESTIONS ON CONSOLIDATION OF THE STOCKBROKING INDUSTRY

1. **Now that the 31 December 2000 deadline has been removed, does the Securities Commission have a tentative timeframe in mind for the consolidation to take effect? What is the scenario that the Securities Commission expects to see at the end of the consolidation exercise?**

While there is no fixed time frame for the consolidation exercise, the Securities Commission does not expect stockbroking companies to be complacent in consolidating. The removal of the 31 December 2000 deadline does not remove the urgency for consolidation as stockbroking companies would otherwise be unprepared to withstand the challenges of a changing environment which among others include the lowering of commission rates, the gradual liberalisation of the branching policy, the advent of e-commerce and the overall liberalisation of the market.

The Securities Commission will monitor and oversee the progress of market-driven consolidation efforts and will actively review the progress achieved.

The Association of Stockbroking Companies Malaysia (ASCM), which also includes representatives from the bank-backed stockbroking companies, has given the commitment that the stockbroking companies will merge with at least one other stockbroking company (two-way merger) by the end of the year. Hence, based on consultations with ASCM, the Securities Commission expects around five groups of Universal Brokers by the end of this year or early next year, and eight to ten Universal Brokers by the end of the year 2001.

2. **Do the initial qualifying criteria for Universal Brokers still apply? In particular, is the Securities Commission still requiring four stockbroking companies to merge under each Universal Broker? Will the same criteria be applied to bank-backed stockbroking companies who, as a group, are already able to provide similar services?**

The initial qualifying criteria for Universal Brokers as outlined in the Securities Commission's press statement of 21 April 2000 still apply. Stockbroking companies that wish to enjoy the benefits that will be accorded to Universal Brokers are still required to merge with at least three other stockbroking companies and satisfy the necessary qualifying criteria as follows :

- Have a minimum paid up capital of RM250 million, a core capital of at least RM250 million and a capital adequacy ratio of at least 1.50 times;
- Satisfy the quantitative and qualitative criteria, which would include good governance standards and management capabilities; and
- Satisfy the necessary fit and proper criteria of the Securities Commission.

## P R E S S   R E L E A S E

The criteria mentioned above apply consistently to both bank-backed and non-bank backed stockbroking companies.

In this regard, the Securities Commission's Guidelines for a Universal Broker have been formulated, in close consultation with the relevant industry participants, including ASCM. These guidelines are available on the Securities Commission's website.

### 3. **What are the incentives under the policy framework for Universal Brokers?**

As previously announced by the Securities Commission, Universal Brokers will be allowed to undertake the full range of capital market services, including new products and services as and when they are introduced. Universal Brokers will also be given the latitude to open branches and benefit from the tax incentives as announced in the Year 2000 Budget on 29 October 1999.

To further encourage the formation of a larger number of Universal Brokers, stockbroking companies that enter into firm merger agreements to become Universal Brokers by 31 December 2000 will be granted the right to open an additional branch for every licence it surrenders to the Securities Commission (i.e. one additional new branch for every licence surrendered). For example, a Universal Broker which is the resultant merger of four stockbroking companies, can now have six branches (not counting the Principal Office). In addition to the above, to encourage the formation of well-capitalised Universal Brokers, stockbroking companies that enter into firm merger agreements to become Universal Brokers by 31 December 2000, with a core capital of at least RM500 million, will be granted an additional bonus branch immediately upon fulfilling this condition.

Thereafter, from 1 January 2002, Universal Brokers will be given the latitude to open branches throughout the country, subject to the Securities Commission's approval.

On this front, the Securities Commission's Guidelines on the Establishment and Location of a Branch Office by a Universal Broker and a Non-Universal Broker have been formulated, in close consultation with the relevant industry participants, including ASCM. These guidelines are available on the Securities Commission's website.

### 4. **Are stockbroking companies allowed to merge with less than three stockbroking companies under the modified policy framework that was announced on 12 June 2000? What will happen to stockbroking companies that do not qualify as or do not intend to become Universal Brokers? Will the Securities Commission allow stand-alone stockbroking companies to continue operating?**

Under the modified policy framework, a stockbroking company is allowed to merge with less than three parties but, in this case, it is not entitled to the status of Universal Broker. These entities that do not qualify as or do not intend to become Universal Brokers can continue to serve their respective niche markets. ASCM as well as representatives of bank-backed stockbroking companies have given their commitment to merge with at least one other stockbroking company by the end of this year.

## P R E S S R E L E A S E

The Securities Commission would like to remind the industry, however, that these Non-Universal Brokers may be unable to survive and compete in a liberalised environment. Natural attrition may result in the demise of such stockbroking companies. We may also see these Non-Universal brokers eventually being forced to merge with or acquired by the Universal Brokers. Therefore, in the interest of these companies and the industry as a whole, the Securities Commission would encourage the formation of a sufficient number of well-capitalised, full-service Universal Brokers. The consolidation of stockbroking companies into Universal Brokers will provide the size for the attainment of economies of scale and a pooling of resources and capabilities to allow for the nurturing of competitive intermediaries.

5. **What is the Securities Commission's policy on e-commerce for stockbroking companies under this consolidation framework?**

The consolidation framework was developed after taking into account the need for the orderly and effective implementation of e-commerce in the capital market. The Securities Commission's policy for the development of e-commerce in respect of stockbroking companies continues to apply within the consolidation framework.

In this regard, the Securities Commission is currently working with the market institutions and securities industry participants to implement measures to further facilitate online trading activities by stockbroking companies.

In respect of the setting up of Internet kiosks, stockbroking companies will at an appropriate time be allowed to operate Internet kiosks to provide online trading facilities and market information, subject to meeting all the necessary requirements that are currently being formulated by the Securities Commission and the stock exchanges, in consultation with the securities industry participants. The Securities Commission will announce these requirements before the end of this year.

6. **When the Securities Commission first announced the policy framework for consolidation of stockbroking companies on 21 April 2000, it said that "all stockbroking companies which have executed firm merger agreements for the merger of at least four stockbroking companies by 31 December 2000 will be granted tax credits for accumulated losses carried forward, and stamp duty and real property gains tax exemptions as announced in the Year 2000 Budget on 29 October 1999". What is the government's stand now that it is not compulsory for mergers to be among four stockbroking companies?**

The objectives of the tax incentives are to encourage early consolidation and to promote the formation of Universal Brokers. With this in mind, the tax incentives as announced in the Year 2000 Budget Speech will be accorded to stockbroking companies that enter into firm merger agreements to become Universal Brokers by 31 December 2000. Universal Brokers that are formed between 1 January 2001 and 31 December 2001 will continue to be accorded similar tax incentives, albeit to a lesser degree. The details are as follows:

Stockbroking companies that enter into firm merger agreements to become Universal Brokers by 31 December 2000.

## P R E S S R E L E A S E

The tax incentives as announced in the Year 2000 Budget Speech are offered to stockbroking companies that enter into firm merger agreements to become Universal Brokers by 31 December 2000. These incentives comprise the utilisation of 50% of the tax losses of the acquired stockbroking company as tax credit to the acquiring entity to be utilised within two years, and Stamp Duty and Real Property Gains Tax exemptions to stockbroking companies that enter into firm merger agreements to become Universal Brokers from 30 October 1999 to 31 December 2000.

Stockbroking companies that enter into firm merger agreements to become Universal Brokers from 1 January 2001 to 31 December 2001.

Stockbroking companies that enter into firm merger agreements to become Universal Brokers from 1 January 2001 to 31 December 2001 will still be entitled to similar tax incentives, but to a lesser degree. These incentives comprise the utilisation of 50% of the tax losses of the acquired stockbroking company as tax credit to the acquiring entity to be utilised within one year, and Stamp Duty exemptions of 100% and Real Property Gains Tax exemptions of 100%.

7. **What is the rationale for the ownership of stockbroking companies to exclude groups that have interest in the property and construction sectors? What is the meaning of "property or construction activities" in the context of the stockbroking consolidation policy?**

Given the cyclical nature of these businesses, there is a need to insulate stockbroking companies from the potential contagion risks which may be brought about by the property or construction business. Property and construction businesses may not bring any synergy to the broking business. In addition, investments in the property or construction business involve considerable capital and could cause financial strain on the stockbroking business within the group.

In this regard, the Securities Commission, in consultation with industry participants (including ASCM and representatives from property or construction-related public-listed companies), has formulated Guidelines on the Involvement of Stockbroking Groups in the Property or Construction Business. These guidelines are available on the Securities Commission's website.

Essentially, the Securities Commission's Guidelines on the Involvement of Stockbroking Groups in the Property or Construction Business comprise the following :

- For public-listed companies (PLCs) with an interest in a stockbroking company, the separation of ownership of a stockbroking business from that of the property or construction businesses shall be limited to the immediate holding company that is listed (immediate PLC) and all its subsidiaries and associate companies.
- For non-PLCs with an interest in a stockbroking company, the separation of ownership of a stockbroking business from that of the property or construction businesses shall be limited to the immediate holding company and all its subsidiaries and associate companies.
- "an interest in a stockbroking company" means having a stockbroking subsidiary, either directly or indirectly.

## P R E S S   R E L E A S E

- At the date of the issuance of these guidelines, where a group's core business activity (contributing at least 20% of the group's average audited profit before taxation over the last five years, or assets employed based on the latest audited accounts) is property or construction, or the listing status of its holding company is affected, these parties shall be "grandfathered" provided that adequate and effective firewalls are introduced between the stockbroking business of the group and its property or construction activities.
- Where a group's investment or holdings in property or construction are free from gearing, these holdings shall also be "grandfathered" provided that adequate and effective firewalls are introduced to insulate the stockbroking business. If the property of the group is encumbered, there shall be policies in place to prevent the risk of default by the holding company and related companies from affecting the financial position of the stockbroking company.
- Subject to the above, affected parties are required to restructure their property or construction interests within three years from the effective date of these Guidelines, during which time the group shall be subject to effective firewalls as aforementioned. In addition, the affected groups are prohibited from entering into new business activities relating to property or construction.
- Any group that currently has a stockbroking interest and that is currently not involved in the property or construction sectors is prohibited from venturing into or being involved in property or construction activities in the future.

**8. Now that the segregation of stockbroking business from financial institutions is not required, what are the measures that will be taken to deal with issues of conflicts of interest in relation to bank-backed stockbroking companies as well as other activities undertaken by stockbrokers that may potentially give rise to conflict of interest situations?**

In addition to the firewall measures recommended pertaining to the property or construction activities of companies related to stockbroking companies, the Securities Commission has also formulated firewall policies to contain the inherent risks of credit and/or leasing companies and banking institutions related to stockbroking companies. On this front, the Securities Commission's Guidelines on Firewalls - Measures to Contain Risks and to Manage Issues Of Conflict Of Interest Between A Stockbroker And Its Related Companies have been formulated, in close consultation with the relevant industry participants, including ASCM and representatives from the bank-backed stockbroking companies. These guidelines are available on the Securities Commission's website.

## P R E S S   R E L E A S E

9. **Is the Securities Commission's policy in relation to the lowering of transaction costs affected by the Modification of the Policy Framework on Stockbroking Industry Consolidation?**

The Securities Commission's policy in relation to the reduction of transaction costs remains unchanged as follows :

- In Stage 1, which takes effect from 1 September 2000, commission rates for all trades above RM100,000 will be fully negotiable. Trades with contract values of RM100,000 and below will be subject to a fixed rate of 0.75%.
- In Stage 2, which takes effect from 1 July 2001, commission rates will be fully negotiable for all trades, subject to a cap of 0.70%. However, the Securities Commission will review the situation before implementing this second stage.

The SCANS clearing fee, the SCORE fee and the Securities Commission levy will also be reduced as follows:

- The SCANS clearing fee will be reduced from 0.05% to 0.04% with effect from 1 July 2001, subject to a maximum of RM200 per contract.
- The SCORE fee will be reduced in two stages to 0.005% and 0.0025% with effect from 1 September 2000 and 1 July 2001, respectively.
- The Securities Commission levy will be reduced to 0.015% from the present 0.02% with effect from 1 July 2001.

The Stage 1 reduction in commission rates and SCORE fees have already been incorporated in both the Business Rules of KLSE and MESDAQ. In addition, the following matters are prescribed

- For trades with a contract value of RM100,000 and below, the brokerage shall be the minimum currently prescribed (i.e. RM2.00 for loan transactions and RM5.00 for any other transactions) or such brokerage calculated at 0.75% of contract value, whichever is the higher. For trades with a contract value of above RM100,000, the brokerage shall be fully negotiable.
- For the purposes of other instruments traded on KLSE, i.e. Government bonds, Municipal debentures, Asian Dollar bonds, other non-convertible debentures, as well as overseas options, the brokerage shall be on a fully negotiable basis.
- Rebates on brokerage shall be on a fully negotiable basis.
- The brokerage chargeable in respect of inter-broker transactions shall be as follows:

For stocks, ordinary shares, preference shares and other listed securities

For trades with a contract value of RM100,000 and below, the higher of the minimum currently prescribed (i.e. RM2.00 for loan transactions and RM5.00 for any other transactions) or such brokerage calculated at 0.75% of the contract value. Trades with a contract value of more than RM100,000 will be fully negotiable.





## **P R E S S R E L E A S E**

For other instruments traded on KLSE  
Fully negotiable basis.

For Direct Business Transactions  
Fully negotiable basis, as currently the case.

## P R E S S   R E L E A S E

### **Rangka Kerja Polisi SC Mengenai Penggabungan Industri Broker Saham - Soalan-Soalan Lazim, Garis Panduan dan Butiran Badan Bertindak Dikeluarkan**

Suruhanjaya Sekuriti (SC) ini menyediakan penjelasan lanjut mengenai Rangka Kerja Polisi mengenai Penggabungan Industri Broker Saham, dengan menerbitkan satu set jawapan bagi soalan-soalan lazim (FAQs). Pada masa yang sama, Suruhanjaya Sekuriti menerbitkan empat garis panduan dan memberikan butiran mengenai badan bertindak yang telah dibentuk bagi mengendalikan proses penggabungan broker saham.

#### **Soalan-Soalan Lazim**

Ini merupakan set kedua jawapan bagi Soalan-Soalan Lazim (Lampiran 1) yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Set yang pertama telah dikeluarkan pada 15 Mei 2000. Dengan memberi jawapan kepada soalan-soalan lazim ini, Suruhanjaya Sekuriti berharap dapat memberikan kefahaman yang lebih jelas di kalangan pihak yang terlibat mengenai pelbagai aspek rangka kerja polisi tersebut.

Soalan-soalan lazim dan jawapan boleh didapati di laman web Suruhanjaya Sekuriti di [www.sc.com.my](http://www.sc.com.my).

#### **Garis Panduan**

Melalui perundingan terperinci dengan pihak industri, Suruhanjaya Sekuriti telah merumuskan empat buah set garis panduan berkaitan dengan penggabungan industri broker saham. Garis panduan tersebut adalah:

1. Garis Panduan Halangan - Langkah Menegah Risiko dan Mengendali Isu Konflik Kepentingan Di antara Broker Saham dan Syarikat Berkaitannya;
2. Garis Panduan Pembabitian Kumpulan Broker Saham dalam Perniagaan Hartanah atau Pembinaan;
3. Garis Panduan Broker Universal; dan
4. Garis Panduan Penubuhan dan Lokasi Pejabat Cawangan oleh Sesebuah Broker Universal dan Broker Bukan Universal.

Garis panduan-garis panduan ini dan Senarai Semak Kesediaan Ahli bagi Broker Universal boleh didapati di laman web Suruhanjaya Sekuriti di [www.sc.com.my](http://www.sc.com.my).

#### **Badan Bertindak**

Badan Bertindak bagi Penggabungan Industri Broker Saham (Badan Bertindak) tersebut telah ditubuhkan sejurus selepas Suruhanjaya Sekuriti mengumumkan pada 21 April 2000 bahawa satu

## **P R E S S   R E L E A S E**

badan bertindak akan diwujudkan untuk mengkaji semula status dan tahap penggabungan broker saham.

Sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, Badan Bertindak tersebut akan dipengerusikan oleh Dato' Dr Samsudin Hitam, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan. Suruhanjaya Sekuriti merupakan Sekretariat kepada Badan Bertindak tersebut.

Ahli-ahli Badan Bertindak lain terdiri daripada wakil-wakil dari:

### **Kementerian Kewangan**

- Yang Berbahagia Dato' Md. Nor Md. Yusof, Penasihat;
- Cik Siti Hadzar Mohd Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar); dan
- Encik Ahmad bin Haji Hashim, Setiausaha (Kewangan).

### **Suruhanjaya Sekuriti**

- Yang Berbahagia Dato' Ainum Mohd Saaid, Timbalan Ketua Eksekutif;
- Encik Siow Kim Lun, Pengarah, Bahagian Pengawasan Pasaran; dan
- Cik Hasnah Omar, Ketua/Pengurus Kanan, Jabatan Pengawasan Perantara (sebagai ahli alternatif).

### **Bursa Saham Kuala Lumpur**

- Encik Md Nor Ahmad, Timbalan Presiden; and
- Mr. Devanesan Evanson, Naib Presiden Kanan, Bahagian Pematuhan dan Pemeriksaan, Kumpulan Pengawasan Pasaran.

Bidang tugas Badan Bertindak tersebut adalah:

Mengawas dan mengkaji semula kemajuan dan tahap penggabungan industri broker saham;

Menilai kejayaan dan kemajuan yang dibuat oleh industri broker saham dan memastikan bahawa penggabungan dikuatkuasakan sejajar dengan dasar Kerajaan; dan

Mengendali kemajuan penggabungan industri broker saham, termasuk menilai insentif sedia ada bagi menggalakkan penggabungan, jika perlu.

Sejak penubuhannya, Badan Bertindak tersebut telah bermesyuarat sebanyak dua kali bagi membincangkan isu-isu berbangkit yang berkaitan dengan rangka kerja polisi penggabungan industri broker saham.

**SURUHANJAYA SEKURITI**  
**2 Oktober 2000**

## P R E S S   R E L E A S E

### Lampiran 1

#### SOALAN-SOALAN LAZIM PENGGABUNGAN INDUSTRI BROKER SAHAM

1. **Dengan pemansuhan tarikh akhir 31 Disember 2000, adakah Suruhanjaya Sekuriti mempunyai jangka waktu tertentu bagi penguatkuasaan penggabungan? Apakah senario yang Suruhanjaya Sekuriti harapkan akan dilihat di peringkat akhir proses penggabungan tersebut?**

Walaupun tidak terdapat jangka waktu tertentu bagi proses penggabungan tersebut, Suruhanjaya Sekuriti tidak menjangka syarikat broker saham akan melengahkan penggabungan tersebut. Pemansuhan tarikh akhir 31 Disember 2000 tidak memansuhkan perlunya tindakan segera untuk bergabung kerana tanpa penggabungan, syarikat broker saham tidak akan bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran persekitaran yang berubah, yang antara lainnya termasuk penurunan kadar komisen, liberalisasi berperingkat polisi pembukaan cawangan, kedatangan perdagangan elektronik dan liberalisasi keseluruhan pasaran.

Suruhanjaya Sekuriti akan mengawasi dan mengawal kemajuan usaha-usaha penggabungan yang ditentukan oleh pasaran dan akan mengkaji semula secara aktif kemajuan yang dicapai.

Persatuan Syarikat-Syarikat Broker Saham Malaysia (ASCM), yang juga termasuk wakil-wakil dari syarikat broker saham yang disokong bank, telah memberikan komitmen bahawa syarikat broker saham akan bergabung dengan sekurang-kurangnya dengan satu syarikat broker saham (penggabungan dua hala) sebelum penghujung tahun. Oleh itu, berdasarkan perundingan dengan ASCM, Suruhanjaya Sekuriti menganggarkan sebanyak lebih kurang lima kumpulan Broker Universal sebelum penghujung tahun ini atau awal tahun depan, dan kira-kira sebanyak lapan hingga 10 Broker Universal sebelum penghujung tahun 2001.

2. **Adakah kriteria kelayakan permulaan bagi Broker Universal masih boleh dipakai? Secara khusus, adakah Suruhanjaya Sekuriti masih menghendaki empat syarikat broker saham untuk bergabung di bawah setiap Broker Universal? Adakah kriteria yang sama digunakan bagi syarikat broker saham yang disokong oleh bank, sebagai satu kumpulan, boleh menyediakan perkhidmatan yang sama?**

Kriteria kelayakan permulaan bagi Broker Universal seperti yang diumumkan dalam kenyataan akhbar Suruhanjaya Sekuriti pada 21 April 2000 masih dipakai. Syarikat broker saham yang ingin mendapatkan kemudahan yang diperuntukkan kepada Broker Universal masih dikehendaki bergabung dengan sekurang-kurangnya tiga buah syarikat broker lain dan memenuhi kriteria kelayakan yang diperlukan seperti berikut:

- Mempunyai modal berbayar minimum sebanyak RM250 juta, modal teras sekurang-kurangnya RM250 juta dan nisbah kecukupan modal sekurang-kurangnya 1.50 kali;
- Memenuhi syarat-syarat kuantitatif dan kualitatif, yang meliputi standard tadbir urus yang baik dan keupayaan pengurusan; dan
- Memenuhi kriteria keperluan syarat-syarat layak dan patut Suruhanjaya Sekuriti.

## P R E S S   R E L E A S E

Kriteria di atas digunakan secara konsisten bagi kedua-dua syarikat broker saham yang disokong dan tidak disokong bank.

Untuk tujuan ini, Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti bagi Broker Universal telah dirumuskan, melalui rundingan terperinci dengan peserta industri berkaitan, termasuk ASCM. Garis Panduan ini boleh didapati di laman web Suruhanjaya Sekuriti.

### 3. **Apakah insentif-insentif di bawah rangka kerja polisi bagi Broker Universal?**

Seperti mana yang diumumkan oleh Suruhanjaya Sekuriti sebelum ini, Broker Universal akan dibenarkan untuk menjalankan perkhidmatan pasaran modal yang meluas, termasuk produk dan perkhidmatan baru apabila diperkenalkan. Broker Universal juga akan diberi keistimewaan untuk membuka cawangan-cawangan dan mendapat manfaat daripada insentif cukai yang diumumkan dalam Belanjawan Tahun 2000 pada 29 Oktober 1999.

Bagi menggalakkan penubuhan Broker Universal yang lebih banyak, syarikat broker saham yang telah mengadakan perjanjian yang kukuh untuk menjadi Broker Universal sebelum 31 Disember 2000 akan diberikan hak untuk membuka satu cawangan tambahan bagi setiap lesen syarikat broker saham yang diserahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti (iaitu, satu cawangan baru tambahan bagi setiap lesen yang diserahkan). Sebagai contoh, sebuah Broker Universal yang tertubuh berikutan penggabungan empat buah syarikat broker saham, sekarang boleh mempunyai enam cawangan (tidak termasuk Pejabat Prinsipal). Sebagai tambahan, bagi menggalakkan penubuhan Broker Universal yang bermodal besar, sesebuah Broker Universal yang akan memeterai perjanjian penggabungan syarikat untuk menjadi Broker Universal sebelum 31 Disember 2000, dengan modal teras sekurang-kurangnya RM500 juta, akan diberikan cawangan bonus tambahan sejurus selepas memenuhi syarat ini.

Selepas itu, mulai 1 Januari 2002, Broker Universal akan diberikan keistimewaan untuk membuka cawangan-cawangan di seluruh negara, tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti.

Untuk tujuan ini, Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti mengenai Penubuhan dan Lokasi Pejabat Cawangan oleh Broker Universal dan Broker Bukan Universal telah dirumuskan, melalui rundingan terperinci dengan peserta industri berkaitan, termasuk ASCM. Garis Panduan ini boleh didapati di laman web Suruhanjaya Sekuriti.

### 4. **Adakah syarikat broker saham dibenarkan untuk bergabung dengan kurang daripada tiga syarikat broker saham di bawah rangka kerja polisi yang diubah suai yang diumumkan pada 12 Jun 2000? Apakah yang akan terjadi kepada syarikat broker saham yang tidak layak atau yang tidak berhasrat untuk menjadi Broker Universal? Adakah Suruhanjaya Sekuriti akan membenarkan syarikat-syarikat broker saham yang bersendirian meneruskan operasi?**

Di bawah rangka kerja polisi yang diubah suai, sesebuah syarikat broker saham dibenarkan untuk bergabung dengan kurang daripada tiga pihak tetapi dalam kes ini, ia tidak layak untuk mendapat status Broker Universal. Entiti-entiti tersebut yang tidak layak atau yang tidak berhasrat untuk menjadi Broker Universal boleh terus memberi khidmat kepada bidang pasaran masing-masing. ASCM serta wakil syarikat broker saham yang disokong bank telah menvatakan

## P R E S S   R E L E A S E

komitmen mereka untuk bergabung dengan sekurang-kurangnya sebuah lagi syarikat broker saham sebelum penghujung tahun ini.

Suruhanjaya Sekuriti ingin mengingatkan industri, walau bagaimanapun, bahawa Broker Bukan Universal ini mungkin tidak akan berupaya untuk terus wujud dan bersaing dalam persekitaran yang diliberalisasi. Keadaan persekitaran akan menyebabkan penutupan syarikat broker saham tersebut. Kita juga akan melihat Broker Bukan Universal ini akhirnya akan dipaksa untuk bergabung atau diambil alih oleh Broker Universal. Oleh itu, demi kepentingan syarikat-syarikat ini dan industri secara keseluruhan, Suruhanjaya Sekuriti menggalakkan penubuhan sejumlah Broker Universal yang secukupnya yang bermodal besar dan mempunyai perkhidmatan penuh. Penggabungan syarikat broker saham kepada Broker Universal akan menyediakan anjakan kepada pencapaian ekonomi ikut bidangan dan pengumpulan sumber dan keupayaan bagi mewujudkan perantara yang mampu bersaing.

5. **Apakah dasar Suruhanjaya Sekuriti mengenai perdagangan elektronik bagi syarikat broker saham di bawah rangka kerja penggabungan ini?**

Rangka kerja penggabungan tersebut telah diwujudkan selepas mempertimbangkan keperluan bagi pelaksanaan perdagangan elektronik dalam pasaran modal yang teratur dan efektif. Polisi Suruhanjaya Sekuriti bagi pembangunan perdagangan elektronik yang berkaitan dengan syarikat broker saham akan terus digunakan dalam rangka kerja penggabungan tersebut.

Untuk tujuan ini, Suruhanjaya Sekuriti kini sedang berusaha bersama institusi pasaran dan peserta industri sekuriti untuk melaksanakan langkah bagi memudahkan lagi aktiviti dagangan atas talian oleh syarikat broker saham.

Mengenai penyediaan kiosk-kiosk Internet, syarikat broker saham akan dibenarkan untuk mengendalikan kiosk internet tersebut pada masa yang sesuai bagi menyediakan maklumat pasaran, dengan syarat, syarikat tersebut mematuhi keperluan tertentu yang sedang dirumuskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan bursa-bursa saham, melalui rundingan dengan peserta industri sekuriti. Suruhanjaya Sekuriti akan mengumumkan keperluan-keperluan ini sebelum penghujung tahun ini.

6. **Apabila Suruhanjaya Sekuriti mula mengumumkan rangka kerja polisi bagi penggabungan syarikat broker saham pada 21 April 2000, ia menyatakan bahawa "semua syarikat broker saham yang telah melaksanakan perjanjian penggabungan yang kukuh bagi penggabungan dengan sekurang-kurangnya empat syarikat broker saham sebelum 31 Disember 2000 akan diberikan kredit cukai bagi kerugian terkumpul yang dibawa ke hadapan, dan pengecualian duti setem dan cukai keuntungan hartanah seperti yang diumumkan pada Belanjawan Tahun 2000 pada 29 Oktober 1999". Apakah pendirian kerajaan sekarang, dengan tiadanya kewajipan bagi penggabungan di antara empat syarikat broker saham?**

Tujuan insentif cukai adalah bagi menggalakkan penggabungan awal dan penubuhan Broker Universal. Dengan itu, insentif cukai seperti yang diumumkan dalam Ucapan Belanjawan Tahun 2000 akan diperuntukkan kepada syarikat broker saham yang mengadakan perjanjian penggabungan untuk menjadi Broker Universal sebelum 31 Disember 2000. Broker Universal yang ditubuhkan di antara 1 Januari 2001 dan 31 Disember 2001 akan terus diperuntukkan

## P R E S S   R E L E A S E

insentif cukai yang sama, meskipun pada kadar yang lebih rendah. Huraian adalah seperti berikut:

Syarikat broker saham yang mengadakan perjanjian penggabungan yang kukuh untuk menjadi Broker Universal sebelum 31 Disember 2000.

Insentif cukai seperti yang diumumkan dalam Ucapan Belanjawan Tahun 2000 adalah ditawarkan kepada syarikat broker saham yang mengadakan perjanjian penggabungan yang kukuh untuk menjadi Broker Universal sebelum 31 Disember 2000. Insentif-insentif ini termasuk penggunaan 50% daripada kerugian cukai syarikat broker saham yang diperoleh sebagai kredit cukai kepada entiti yang memperoleh untuk digunakan dalam masa dua tahun, dan pengecualian Duti Setem dan Cukai Keuntungan Hartanah kepada syarikat broker saham yang mengadakan penggabungan yang kukuh dari 30 Oktober 1999 sehingga 31 Disember 2000.

Syarikat broker saham yang mengadakan perjanjian yang kukuh untuk menjadi Broker Universal dari 1 Januari 2001 sehingga 31 Disember 2001.

Syarikat broker saham yang mengadakan perjanjian penggabungan yang kukuh untuk menjadi Broker Universal dari 1 Januari 2001 sehingga 31 Disember 2001 masih lagi layak mendapat insentif cukai yang sama, tetapi pada kadar yang berkurangan. Insentif-insentif ini termasuk penggunaan 50% daripada kerugian cukai syarikat broker saham yang diperoleh sebagai kredit cukai kepada entiti yang memperoleh untuk digunakan dalam masa satu tahun, dan pengecualian 100% Duti Setem dan pengecualian 100% Cukai Keuntungan Hartanah.

7. **Apakah rasional bagi pemilikan syarikat broker saham untuk tidak merangkumi kumpulan yang mempunyai kepentingan dalam sektor hartanah dan pembinaan? Apakah maksud "aktiviti hartanah atau pembinaan" dalam konteks polisi penggabungan broker saham?**

Oleh kerana ciri-ciri turun naik perniagaan ini, terdapat keperluan untuk melindungi syarikat broker saham daripada kemungkinan risiko penularan yang disebabkan oleh perniagaan hartanah dan pembinaan. Perniagaan hartanah dan pembinaan juga tidak membawa sebarang sinergi kepada perniagaan pembrokeran. Di samping itu, pelaburan dalam perniagaan hartanah atau pembinaan melibatkan modal yang besar dan boleh menyebabkan tekanan kewangan ke atas perniagaan broker saham dalam kumpulan syarikat tersebut.

Untuk tujuan ini, Suruhanjaya Sekuriti, melalui perundingan dengan peserta industri (termasuk ASCM dan wakil daripada syarikat awam tersenarai yang berkaitan dengan hartanah atau pembinaan), telah merumuskan Garis Panduan Pembabitan Kumpulan Broker Saham dalam Perniagaan Hartanah atau Pembinaan. Garis Panduan ini boleh didapati di laman web Suruhanjaya Sekuriti.

Pada dasarnya, Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti mengenai Pembabitan Kumpulan Broker Saham dalam Perniagaan Hartanah atau Pembinaan mengandungi perkara berikut :

- Bagi syarikat awam tersenarai yang mempunyai kepentingan dalam sesebuah syarikat broker saham, pengasingan pemilikan sesebuah perniagaan broker saham daripada pemilikan perniagaan hartanah atau pembinaan akan dihadkan

## P R E S S   R E L E A S E

kepada syarikat induk terdekat yang tersenarai (syarikat awam tersenarai terdekat) dan semua anak-anak syarikat dan syarikat bersekutunya.

- Bagi syarikat awam tidak tersenarai yang mempunyai kepentingan dalam sesebuah syarikat broker saham, pengasingan pemilikan sesebuah perniagaan broker saham daripada pemilikan perniagaan hartanah atau pembinaan akan dihadkan kepada syarikat induk terdekat dan kesemua anak syarikat dan syarikat bersekutunya.
- "sesuatu kepentingan dalam sesebuah syarikat broker saham" bermaksud mempunyai sebuah anak syarikat broker saham, samada secara langsung atau tidak.
- Pada tarikh terbitan garis panduan ini, di mana aktiviti teras perniagaan sesebuah kumpulan (yang menyumbang sekurang-kurangnya 20% daripada keuntungan purata kumpulan yang diaudit sebelum cukai sepanjang lima tahun yang lepas, atau aset yang digunakan berdasarkan akaun diaudit terkini) merupakan hartanah atau pembinaan, atau melibatkan status penyenaian syarikat induknya, pihak-pihak ini akan dikecualikan daripada keperluan Garis Panduan ini (dengan syarat, syarat-syarat yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini dipenuhi) sehingga halangan yang mencukupi dan berkesan diperkenalkan di antara perniagaan broker saham kumpulan tersebut dan aktiviti hartanah atau pembinaannya.
- Di mana pelaburan atau pegangan sesebuah kumpulan dalam hartanah atau pembinaan, bebas daripada penggearing, pegangan ini juga akan dikecualikan daripada keperluan Garis Panduan ini sehingga halangan yang mencukupi dan berkesan diperkenalkan bagi melindungi perniagaan broker saham.
- Sekiranya hartanah sesebuah kumpulan dihalang, hendaklah ada polisi-polisi bagi mencegah risiko kegagalan oleh syarikat induk dan syarikat yang berkaitan daripada memberi kesan kepada kedudukan kewangan syarikat broker saham berkenaan
- Tertakluk kepada di atas, pihak-pihak yang terlibat dikehendaki menyusun semula kepentingan hartanah atau pembinaan mereka dalam masa tiga tahun dari tarikh berkuat kuasa Garis Panduan ini, di mana pada masa itu, kumpulan tersebut akan tertakluk kepada halangan efektif yang dinyatakan sebelum ini. Tambahan pula, kumpulan yang terlibat adalah dihalang daripada menceburi aktiviti perniagaan baru yang berkaitan dengan hartanah atau pembinaan.
- Mana-mana kumpulan yang sekarang ini mempunyai kepentingan broker saham dan kini tidak terlibat dalam sektor hartanah atau pembinaan dihalang daripada meneroka atau terlibat dalam aktiviti hartanah atau pembinaan pada masa hadapan.



## P R E S S   R E L E A S E

8. **Dengan pengasingan perniagaan broker saham daripada institusi kewangan tidak diperlukan lagi sekarang, apakah langkah yang akan diambil dalam menangani isu konflik kepentingan berkaitan syarikat broker saham yang disokong bank serta aktiviti lain yang dijalankan oleh broker saham yang berkemungkinan menimbulkan situasi konflik kepentingan?**

Sebagai tambahan kepada langkah halangan yang dicadangkan berkenaan aktiviti hartanah atau pembinaan syarikat yang berkaitan dengan syarikat broker saham, Suruhanjaya Sekuriti juga telah merumus polisi halangan agar mengandungi risiko tanggung kredit dan/atau syarikat pajakan dan institusi perbankan yang berkaitan dengan syarikat broker saham. Atas dasar ini, Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti mengenai Halangan - Langkah untuk Menghad Risiko dan Mengendali Isu Konflik Kepentingan Di antara Broker Saham dan Syarikat Berkaitannya telah dirumuskan, dengan mengadakan rundingan terperinci bersama peserta industri berkaitan, termasuk ASCM dan wakil daripada syarikat broker saham yang disokong bank. Garis Panduan ini boleh didapati di laman web Suruhanjaya Sekuriti.

9. **Adakah polisi Suruhanjaya Sekuriti berkaitan dengan penurunan kos transaksi terjejas oleh Pengubahsuaian Rangka Kerja Polisi Penggabungan Industri Broker Saham?**

Polisi Suruhanjaya Sekuriti berkaitan dengan pengurangan kos transaksi tetap tidak berubah seperti berikut :

- Pada Peringkat 1, yang akan berkuat kuasa dari 1 September 2000, kadar komisen bagi semua dagangan melebihi RM100,000 boleh dirunding sepenuhnya. Dagangan dengan nilai kontrak RM100,000 dan ke bawah akan tertakluk kepada satu kadar tetap 0.75%..
- Pada Peringkat 2, yang akan berkuat kuasa dari 1 Julai 2001, kadar komisen boleh dirunding sepenuhnya bagi semua dagangan, tertakluk kepada satu kadar maksimum 0.70%. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Sekuriti akan mengkaji semula situasi tersebut sebelum melaksanakan peringkat kedua ini.

Fi penjelasan SCANS (Securities Clearing Automated Network Services), fi bagi SCORE (System on Computerised Order Routing and Execution) dan levi Suruhanjaya Sekuriti juga akan dikurangkan seperti berikut:

Fi bagi SCANS akan dikurangkan dalam dua peringkat kepada 0.005% dan 0.0025%  
Fi SCORE akan dikurangkan dalam dua peringkat kepada 0.005% dan 0.0025%

Pengurangan Peringkat 1 kadar komisen dan fi SCORE telah pun dimasukkan dalam Peraturan Perniagaan BSKL dan MESDAQ. Sebagai tambahan, perkara berikut telah ditentukan :

## P R E S S R E L E A S E

- Bagi dagangan dengan nilai kontrak sebanyak RM100,000 ke bawah, fi pembrokeran adalah kadar minimum yang ditentukan sekarang (iaitu RM2.00 bagi urus niaga pinjaman dan RM5.00 bagi urus niaga-urus niaga lain) atau fi pembrokeran tersebut dikira pada kadar 0.75% daripada nilai kontrak, menurut mana yang lebih tinggi. Bagi dagangan dengan nilai kontrak melebihi RM100,000, fi pembrokeran adalah boleh dirunding sepenuhnya.
- Bagi instrumen lain yang didagangkan di BSKL, iaitu bon Kerajaan, debentur Munisipal, bon Dolar Asia, debentur tidak boleh tukar lain, serta opsyen luar negara, fi pembrokeran adalah berdasarkan boleh dirunding sepenuhnya.
- Rebet ke atas fi pembrokeran juga adalah berdasarkan boleh dirunding sepenuhnya.
- Fi pembrokeran yang boleh dikenakan ke atas urus niaga antara-broker adalah seperti berikut:

Bagi stok, saham biasa, saham keutamaan dan sekuriti tersenarai lain

Bagi dagangan dengan nilai kontrak RM100,000 ke bawah, kadar yang lebih tinggi daripada kadar minimum yang ditetapkan sekarang (iaitu RM2.00 bagi urus niaga pinjaman dan RM5.00 bagi urus niaga lain) atau fi pembrokeran tersebut dikira pada kadar 0.75% daripada nilai kontrak.

Dagangan dengan nilai kontrak melebihi RM100,00 akan boleh dirunding sepenuhnya.

Bagi instrumen lain yang didagangkan di BSKL

Berdasarkan boleh dirunding sepenuhnya.

Bagi Urus niaga Perniagaan Langsung

Berdasarkan boleh dirunding sepenuhnya, seperti sekarang ini